

## Rencana Pengarang

kawasan dan melepaskan daripada himpitan-himpitan hidup.

Untuk itu, untuk hidup mereka tidak

memperdulikan hak siapa pun, tetapi adalah menjadi

hak mereka. Dan ada sahaja sebab-sebab yang dibuat seperti

hak dari segi *tawārikh* (sejarah) – tanah atau

negeri itu berasal dari hak kepunyaan bangsa mereka

dan seketurunan dengan mereka dan mestilah mereka

mendapat hak yang sama.

Melihat kepada ini, kita kkuatir, cara sebelum

perang mungkin akan berulang dan mungkin

terjadi. Singapura berhajat kepada hidup. Johor

dahulu adalah asalnya satu dengan Singapura. Kita

takut nanti dasar ((mahu hidup)) atau menyelamatkan

diri akan dilakukan mereka ke atas tanah Johor

disebabkan Johor negeri sempadan yang dekat dan negeri

Singapura tidak muat lagi kerana penduduknya makin

melimpah. Mahu atau tidak bukan soal mungkin

sebagaimana Nazi dahulu melaksanakan dasar

((*Lebensraum*)) itu dengan kekerasan atau senjata yang

bercakap untuk menentukan ((keselamatan hidupnya)).

Apakah ini satu telahan yang mungkin terjadi? Tetapi

kita berharap hal yang serupa ini tidak akan

berlaku kepada orang-orang Timur yang tahukan harga

diri dan sempadan sampai ke mana mereka berhak

bergerak.

\* \* \*

### Fitnah Khabar-khabar Angin Yang Membahayakan

Usaha-usaha dan tindakan-tindakan tegas untuk

menghindarkan kekacauan kaum yang bermula dalam

((peristiwa 13 Mei)) yang lalu supaya jangan

berlanjutan dan merebak lebih luas ke seluruh negara telah

dapat dilaksanakan dengan penuh kejayaan oleh ((Majlis

Gerakan Negara)) yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat

Tun Abdul Razak – Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Selain dari usaha memberkas orang-orang yang pro-

Komunis, anasir-anasir jahat, anggota-anggota kongsi<sup>1</sup> gelap

dan anti-nasional yang telah mencetuskan pergaduhan

kaum di negara ini, maka usaha-usaha untuk menanamkan

kembali semangat perpaduan dan perasaan muhibbah di kalangan

dua kaum yang terbesar di negara ini telah dapat juga

dijalankan dengan begitu pesat oleh ahli-ahli

((Jawatankuasa Muhibbah)) yang telah dibentuk di seluruh

negara.

Hasil dari usaha-usaha tersebut sungguh

memuaskan, segolongan besar dari rakyat telah mulai

menyedari akan hakikat ini. Buktinya keadaan negara

sekarang telah hampir pulih menuju kepada keamanan

seperti sediakan; masa-masa perintah berkurung telah dapat dikendurkan dari waktu subuh hingga membawa ke tengah malam.

Kejayaan-kejayaan ini sungguh mengembirakan seluruh rakyat yang

ingin hidup harmoni, aman damai di dalam sebuah

negara yang penduduknya terdiri dari berbagai-bagai kaum,

berlainan agama dan kebudayaan; tetapi mereka mempunyai

hasrat yang satu menuju ke arah kemajuan, kemakmuran

dan kewanteran negara Malaysia yang mereka cintai.

Hanya komplot-komplot jahat yang berjiwa kotor dan

bermoral rendah sahajalah yang sukakan negara kita

yang aman makmur ini menjadi sebuah negara yang

sentiasa dalam keadaan kacau-bilau dan bersuasana

keruh. Orang-orang dari golongan inilah sekarang yang

menjadi batu penghalang untuk mengembalikan suasana

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya adalah kongsi.

## Rencana Pengarang

keharmonian dan keamanan di negara ini dengan menggunakan senjata ((lidah)) yang mengandung racun ((fitnah)) melalui ((khabar-khabar angin)) yang mereka sebarkan secara meluas di kalangan orang ramai dengan tujuan supaya perasaan curiga-mencurigai, dendam-mendendam dan semangat permusuhan, rasa benci-membenci di antara satu kaum dengan kaum yang lain akan terus bernyala dengan hebatnya dilubuk hati masing-masing di sepanjang zaman.

Islam sangat melarang orang-orang Mukmin yang suka mendengar sesuatu berita angin yang disampaikan oleh orang-orang yang berniat jahat tanpa menyiasat dan menyelidiki lebih dahulu dari mana datangnya sumber berita itu diterbitkan; oleh yang demikian dari sejak 14 abad yang silam Tuhan telah mengingatkan orang-orang yang beriman supaya mereka jangan sekali-kali mudah terpengaruh ketika mendengar sesuatu berita yang mengandungi anasir-anasir jahat yang disampaikan orang kepada mereka tanpa diperiksa dan diselidiki lebih dahulu sama ada benar atau pun dusta, sebagaimana firman-Nya di dalam Sūrah al-Hujurāt ayat (6) yang maksud:

((Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu orang-orang fasik (orang-orang jahat) membawa sesuatu berita, maka hendaklah (lebih dahulu) kamu selidiki akan kebenarannya, supaya kamu tidak akan mencelakakan sesuatu kaum lantaran jahil (tidak tahu-menahu akan punca berita dusta yang dibawanya itu), lantas kamu jadi menyesal atas apa yang kamu lakukan itu.))

Dalam suatu ayat yang lain pula Tuhan ada menegaskan bahawa menyebarkan ((berita-berita angin)) yang tidak berasas itu adalah suatu ((fitnah besar)) yang mana dosanya lebih besar dari membunuh orang, sebagaimana firman-Nya dalam surat al-Baqarah ayat (217) yang maksudnya:

((Dan fitnah itu lebih besar (dosanya) daripada membunuh orang)).

Apa yang dikatakan oleh Tuhan dalam ayat di atas memang benar dan logik. Jika seseorang melakukan pembunuhan, maka akibatnya hanya menimpa si pembunuh dan dan<sup>2</sup> yang kena bunuh itu sahaja, tetapi apabila seseorang itu menaburkan ((fitnah)), maka bahayanya meliputi seluruh masyarakat yang mempercayainya. Fitnah-fitnah yang disebarkan melalui ((khabar-khabar angin)) yang palsu dan dusta itu boleh menimbulkan rasa kebimbangan, curiga-mencurigai dan memarakkan emosi dendam-mendendam antara sesama manusia, kadang-kala boleh mencetuskan pergaduhan yang sampai mengorbankan beratus-ratus jiwa dan harta-benda.

Kita mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi, kerana kini kita sudah dapat menyaksikan bahawa ((khabar-khabar angin)) yang sentiasa disebarkan oleh segelintir manusia yang tidak bertanggungjawab atas keselamatan negara dan rakyat negeri ini sudah mulai reda, lantaran orang-orang yang mahu mendengar dan mempercayainya kian hari kian berkurang. Maka dengan terhapusnya anasir-anasir jahat penyebar ((khabar-khabar angin)) ini kelak, *in shā-Allāh* dalam masa yang tidak berapa lama lagi, keadaan seluruh negara akan kembali pulih seperti sediakala. Inilah yang diharap-harapkan oleh seluruh rakyat yang benar-benar cintakan perdamaian, cintakan perpaduan hidup harmoni di dalam sebuah negara yang benar-benar mengamalkan dasar pemerintahan yang adil dan demokrasi berparlimen.

<sup>2</sup> Pengulangan perkataan dan.